

(Perj. Sulit 2787/51A.)

KERAJAAN SERI PADUKA BAGINDA

MALAYSIA

PEKELILING PERKHIDMATAN BIL. 14 TAHUN 1974

CARA PENEMPATAN PEGAWAI-PEGAWAI PERSEKUTUAN DI JABATAN-JABATAN KERAJAAN NEGERI DAN DI JABATAN-JABATAN PERSEKUTUAN DI PERINGKAT NEGERI

Hingga sekarang penempatan pegawai-pegawai Persekutuan di Jabatan-jabatan Kerajaan Negeri dan di Jabatan-jabatan Persekutuan di peringkat Negeri tidak mengikut satu cara yang tertentu dan ada kalanya menimbulkan kelambatan dan juga kesulitan ke atas pegawai yang berkenaan. Untuk memperkemas penempatan pegawai-pegawai tersebut Pekeliling ini menentukan cara tindakan yang patut dipatuhi.

2. Cara menempatkan pegawai-pegawai Persekutuan di Jabatan-jabatan Kerajaan Negeri diatarkan mengikut Federal Secretariat Circular Bil. 13/50 sebagaimana yang dipinda oleh FEO Circular Bil. 9/55. Cara-cara sebagaimana yang ditetapkan dalam Pekeliling-pekelling tersebut sangatlah sesuai dan kemas pada ketika Pekeliling-pekelling itu dikeluarkan. Tetapi oleh kerana beberapa perubahan dan penyusunan pentadbiran maka cara-cara yang telah diatarkan itu sekarang ini didapati membangkitkan beberapa kesulitan bagi kedua pihak; iaitu pihak Kerajaan Persekutuan dan juga pihak Kerajaan Negeri. Kesulitan ini juga membangkitkan beberapa kesulitan ke atas pegawai-pegawai yang berkenaan disebabkan penempatan mereka itu tidak dapat diatarkan dengan kemas dan ada kalanya mereka itu tidak dapat menentukan kedudukan mereka samada jadi ditukarkan atau pun tidak. Kajian telah dibuat di atas perkara ini dan mulai daripada tarikh Pekeliling ini dikeluarkan penempatan pegawai-pegawai Kerajaan Persekutuan di Jabatan-jabatan Kerajaan Negeri dan di Jabatan-jabatan Persekutuan di peringkat Negeri akan dijalankan seperti yang ditetapkan dalam Pekeliling ini.

Penempatan Pegawai-pegawai Persekutuan di Jabatan Kerajaan Negeri

3. Apabila berlaku satu kekosongan dalam jawatan Ketua Jabatan Kerajaan Negeri yang mengikut Perjanjian Perjawatan dipenuhi oleh pegawai Perkhidmatan Persekutuan, maka Ketua Jabatan Persekutuan yang berkenaan hendaklah mengemukakan cadangan kepada Kerajaan Negeri menerusi Setiausaha Kerajaan

Negeri sekurang-kurangnya dua minggu sebelum pertukaran itu dikuatkuasakan dengan memberi butir-butir mengenai calon yang berkenaan seperti berikut:

- (a) Nama dan umur.
- (b) Kelulusan akademik/ikhtisas.
- (c) Tarikh mula berkhidmat dalam Perkhidmatan sekarang dan peringkat sekarang.
- (d) Sebab-sebab pertukaran.
- (e) Butir-butir lain yang dianggap patut oleh Ketua Jabatan Persekutuan diberitahu kepada Setiausaha Kerajaan Negeri.

4. Kerajaan Negeri, apabila menerima cadangan menempatkan pegawai-pegawai Persekutuan untuk memenuhi jawatan Ketua Jabatan Kerajaan Negeri atau jawatan-jawatan tertinggi dalam Jabatan Kerajaan Negeri termasuk jawatan Pegawai-pegawai Daerah patutlah menerima cadangan tersebut melainkan pegawai yang dicadangkan itu tidak dapat diterima oleh Kerajaan Negeri disebabkan beliau pernah melakukan kesalahan pada waktu ianya ditempatkan di salah satu Jabatan Negeri/Persekutuan di negeri tersebut atau oleh sebab-sebab yang lain yang difikirkan menasabah. Terpulanglah kepada Kerajaan Negeri memutuskan samada penempatan pegawai itu patut disembahkan ke bawah Duli Yang Maha Mulia Sultan/Raja atau Tuan Yang Terutama Gabenor negeri masing-masing. Penempatan pegawai-pegawai Persekutuan tingkatan biasa ke dalam Jabatan Kerajaan Negeri selain daripada pegawai-pegawai yang dikehendaki mengambil alih sebagai Ketua Jabatan tidaklah perlu dirujuk untuk mendapat persetujuan Kerajaan Negeri.

5. Penarikan balik pegawai yang telah ditempatkan di Negeri sebagai Ketua-ketua Jabatan akan juga dirujuk kepada Kerajaan Negeri.

Penempatan Pegawai-pegawai Persekutuan di Jabatan Persekutuan di Peringkat Negeri

6. Penempatan Pegawai-pegawai Persekutuan di Jabatan Persekutuan di peringkat negeri tidaklah mustahak dirujuk kepada pentadbiran negeri. Walau bagaimanapun cadangan menempatkan Ketua-ketua Jabatan Persekutuan di peringkat negeri hendaklah juga disampaikan kepada pihak pentadbiran negeri sekurang-kurangnya dua minggu sebelum penempatan itu dilaksanakan. Butir-butir yang patut disampaikan ialah seperti dalam perenggan 3. Pihak pentadbiran negeri patutlah menerima cadangan itu melainkan pihak mereka dapat memberi bukti-bukti bahawa pegawai berkenaan dahulunya pernah membuat kesalahan yang menyebabkan ianya tidak dapat diterima oleh pentadbiran negeri atau kerana sebab-sebab yang difikirkan menasabah pegawai itu tidak dapat diterima.

7. Peraturan-peraturan di atas telah dipersetujui di antara pihak Kerajaan Persekutuan dan pihak Kerajaan Negeri sebagai satu cara untuk memperkemas penempatan pegawai-pegawai dan melicinkan perjalanan pentadbiran. Walau bagaimanapun dengan tujuan supaya perjalanan pentadbiran akan jadi lebih kemas dan licin tiadalah apa-apa halangan bagi Ketua-ketua Jabatan Persekutuan dan Setiausaha-setiausaha Kerajaan Negeri mengadakan rundingan melalui talipon ataupun perbincangan mengenai penempatan pegawai-pegawai Persekutuan di Jabatan Kerajaan Negeri ataupun di Jabatan-jabatan Persekutuan di peringkat negeri sebelum mengemukakan cadangan bertulis.

8. Peraturan seperti yang tercatat dalam Federal Secretariat Circular Bil. 13/50 sebagaimana yang dipinda oleh FEO Circular Bil. 9/55 adalah dibatalkan.

DATO' ABDULLAH BIN AYUB,
*Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam,
Malaysia*

JABATAN PERKHIDMATAN AWAM MALAYSIA,
TINGKAT 9-14, BANGUNAN U.M.B.C.,
JALAN SULAIMAN,
KUALA LUMPUR.

29hb April, 1974